

D134

R 8225 BAH
JPA - BONUS (EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 0001 22 OGOS)

KUALA LUMPUR, 21 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN BERCADANG MEMBERI BONUS KEPADA PARA PEGAWAI DAN KAKITANGAN SEKTOR AWAM YANG BERKHIDMAT DENGAN CEMERLANG, DEMIKIAN MENURUT SATU RISALAH KHAS JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA).

KERAJAAN BERCADANG MENYEDIAKAN INSENTIF BERBENTUK GANJARAN KEWANGAN ITU SEBAGAI PERANGSANG KEPADA KAKITANGAN AWAM UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN YANG BAIK, MENURUT RISALAH JPA BERJUDUL +PEMBAHARUAN KE ARAH KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN AWAM+.

+BENTUK INSENTIF YANG DICADANGKAN ADALAH PEMBERIAN BONUS,+ JELAS RISALAH YANG DITERBITKAN OLEH JPA SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN 55 TAHUN PERKHIDMATAN AWAM.

PERAYAAN ITU AKAN DILANCARKAN OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DI SINI HARI INI (22 OGOS).

MENURUT RISALAH ITU, INSENTIF YANG DIBERIKAN BERDASARKAN MERIT ITU, AKAN DIBERIKAN KEPADA PARA PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG TERPILIH SEBAGAI PENGKHIDMAT CEMERLANG MENGIKUT KRITERIA-KRITERIA YANG DITETAPKAN. -- LAGI

1727MST 21 0a a9

R B226 BAH
JPA - BONUS 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

INSENTIF ITU ADALAH ANTARA BEBERAPA CADANGAN JPA DALAM STRATEGINYA BAGI MENJAGA KEBAJIKAN KAKITANGAN KERAJAAN SUPAYA MEREKA BERKHIDMAT DENGAN PENUH DEDIKASI, TEKUN DAN IKHLAS.

DI BAWAH STRATEGI YANG SAMA, JPA JUGA AKAN MEMBENTUK SATU PANEL PAKAR-PAKAR JIWA BAGI MENYEDIAKAN KHIDMAT KAUNSELING, MEWUJUDKAN SATU SISTEM PELARASAN GAJI YANG LEBIH TERATUR DAN MENGGAJI CADANGAN MEWUJUDKAN SATU TABUNG PENCEN BAGI MENGURANGKAN BEBAN KEWANGAN KERAJAAN.

TABUNG TERSEBUT DIHARAP DAPAT BEROPERASI SENDIRI DAN BOLEH PULA MEMPEROLEHI KEUNTUNGAN.

BAGI MEWUJUDKAN SISTEM PELARASAN GAJI YANG LEBIH TERATUR, JPA SEDANG MENGGAJI MENGENAI PENUBUHAN MAJLIS TETAP PELARASAN GAJI, YANG AKAN MEMBERI NASIHAT DAN SYOR KEPADA KERAJAAN.

SELAIN DARIPADA STRATEGI KEBAJIKAN KAKITANGAN AWAM, USAHA-USAHA PEMBAHARUAN JPA TURUT DIATUR DI BAWAH STRATEGI-STRATEGI PERANCANGAN STRATEGIK TENAGA MANUSIA= PENINGKATAN KUALITI DAN PENETAPAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM= PENINGKATAN IMEJ PERKHIDMATAN AWAM DAN PEMUPUKAN INTEGRASI NASIONAL DAN PERPADUAN DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

MENURUT RISALAH ITU, USAHA-USAHA PEMBAHARUAN JPA ITU DIPERLUKAN BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI, MENYESUAIKAN DENGAN KEHENDAK-KEHENDAK BARU DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI= MEMBENTUK ORGANISASI YANG DINAMIK SERTA MENGHADAPI CABARAN SEMASA. -- LAGI

1732MST 21 08 a9

0137

R 8227 BAH
JPA - BONUS 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DI BAWAH PERANCANGAN TENAGA **MANUSIA**, STRUKTUR BARU PERKHIDMATAN **AWAM**, BEBERAPA PROGRAM-PROGRAM LATIHAN DAN KHIDMAT SEMENTARA TELAH DILAKSANAKAN.

DI BAWAH STRATEGI YANG **SAMA**, JPA **JUGA** SEDANG MENJALANKAN BEBERAPA KAJIAN MENGENAI **SAIZ** SEKTOR AWAM **BAGI** MEMBENTUK DASAR PEKERJAAN SEKTOR AWAM.

BAGI MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN **AWAM**, JPA MENJALANKAN KAJIAN TERHADAP SKIM-SKIM PERKHIDMATAN DAN MENGHANTAR **PARA** PEGAWAINYA KE LUAR NEGERI DI BAWAH PROGRAM-PROGRAM TERTENTU.

JPA **JUGA** SEDANG MENJALANKAN KAJIAN MENGENAI WAKTU BEKERJA PEJABAT SERTA PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR SURUHANJAYA-SURUHANJAYA PERKHIDMATAN **BAGI** TUJUAN YANG **SAMA**, MENURUT RISALAH ITU.

BAGI MEWUJUDKAN INTEGRASI **NASIONAL**, JPA, ANTARA **LAIN**, TELAH MENGARAHKAN **SEMUA** AGENSI AWAM MEMPERUNTUKKAN PEKERJAAN **BAGI** ORANG-ORANG CACAT.

SATU DARIPADA CADANGAN JPA **BAGI** MENINGKATKAN IMEJ DAN MORAL PERKHIDMATAN AWAM PULA IALAH PEMBENTUKAN SATU JENTERA YANG TERATUR **BAGI** PENYELESAIAN PERTIKAIAN DALAM PERKHIDMATAN **AWAM**. -- BERNAMA
1734MST 21 08 89